



**JADUAL IMAM/BILAL BERTUGAS PADA 5/9/2008**

TUAN HAJI YAACOB BIN AB. MAJID - IMAM RAWATIB  
 USTAZ HAJI AB. RASHID BIN AB. RAHMAN - BILAL SATU

**(Tajuk Khutbah : Menjalani Ibadat Puasa Ramadan)**

**JADUAL SOLAT HARI INI**

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IMSAK
5.48	7.06	1.11	4.18	7.16	8.24	5.38

**Bil. 36/2008**

**Tarikh : 5 September 2008 / 5 Ramadan 1429H**

**PERCUMA**

*Tazkirah*

**HIKMAH BULAN RAMADAN  
 RAHSIA & PENGAJARANNYA**

*Sambungan dari minggu yang lepas*

Pada awal bulan Ramadan, Nabi S.A.W. selalu menyampaikan kepada umatnya firman Tuhan mereka, "Setiap perbuatan anak cucu Adam adalah untuknya kecuali puasa. Puasa itu untuk-Ku, dan Aku yang akan membalasnya."

(HR. Al-Bukhari dan Muslim)

Puasa merupakan rahsia Allah. Tiada seorang pun yang mengetahui puasa yang kamu lakukan. Sekiranya kamu makan atau minum secara sembunyi, akan tetapi Allah Maha Mengetahui segalanya.

Adakah selain Allah yang mengetahui bahawa anda telah makan, minum ataupun berhubungan badan dengan isteri anda? Sesungguhnya, Dialah Penguasa kegelapan dan cahaya. Ketika kamu berduaan dengan wanita dalam kegelapan kemudian nafsumu mengajakmu melakukan perkara-perkara yang diharamkan. Maka, malulah! Kerana kamu telah dilihat Tuhan. Katakanlah kepada wanita itu, Tuhan Pencipta kegelapan benar-benar melihatku.

Solat biasanya dilakukan secara berjemaah, zakat biasanya dilakukan di hadapan orang, dan haji biasanya dilakukan bersama-sama orang lain. Bagaimana dengan puasa? Subhanallah Ketika puasa, kamu dapat saja bersembunyi lalu makan dan minum, sementara itu orang-orang menyangka bahawa kamu masih tetap berpuasa. Akan tetapi Allah mengetahui bahawa kamu tidak berpuasa. Oleh kerana itu, puasa merupakan rahsia antara kamu dan Allah.

Perhatikanlah, betapa lembutnya redaksi yang digunakan Allah S.W.T. di atas, "Kerana dia meninggalkan makanan, minuman dan hawa nafsunya demi Aku. Dia rela kelaparan kerana Aku, dia rela kehausan kerana Aku, dan dia mengharamkan untuk dirinya sendiri perbuatan bersenang-senang dengan isterinya kerana Aku." Lalu Rasulullah bersabda, "Bau mulut orang yang sedang berpuasa lebih baik daripada harumnya minyak kasturi."

Setiap amal kebajikan akan dibalas dengan satu ke-

baikan, atau akan dilipatgandakan hingga sepuluh sampai tujuh ratus kecuali puasa. Tiada seorang pun yang mengetahui besarnya pahala puasa kecuali Allah.'

Allah S.W.T. menyediakan satu pintu khusus di syurga bagi orang-orang yang berpuasa. Orang ramai yang berpuasa akan masuk ke dalam syurga melalui pintu tersebut. Ketika mereka sudah berada di dalam syurga, Allah akan memanggil mereka dengan suaranya sendiri, "Makanlah wahai orang-orang yang tidak makan ketika berpuasa! Minumlah wahai orang-orang yang tidak minum ketika berpuasa dan bersenang-senanglah dengan para bidadari wahai orang-orang yang tidak bersenang-senang dengan isterinya ketika berpuasa.

Sahal ibn Sa'ad meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

"Di syurga ada satu pintu yang diberi nama dengan pintu 'ar-Rayyan'. Orang-orang yang berpuasa akan masuk syurga melalui pintu itu. Jika mereka telah masuk, pintu itu akan ditutup kembali, sehingga tidak ada orang lain selain mereka yang masuk ke syurga melalui pintu itu."

(HR. Al-Sukhari dan Muslim)

Abu Sa'id al-Khudri me-

riwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

"Orang yang berpuasa satu hari saat berjuang dijalan Allah, wajahnya akan dijauhkan Allah dari neraka sejauh 70 kali musim panas."

(HR. Al-Sukhari dan Muslim)

Ketika memahami hadis ini, para ulama Salaf mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan "puasa saat berjuang di jalan Allah" adalah puasa yang anda lakukan ketika anda sedang berperang demi membela agama Allah, atau ketika anda mengorbankan jiwa raga Anda dengan ikhlas di jalan Allah.

Oleh itu, Ibn Katsir, adz-Dzahabi, dan beberapa ulama lain mengaitkan hadis di atas dengan kisah Abdullah ibn Rawahah r.a. yang terbunuh di dalam Perang Mu'tah. Ketika itu, ia tengah berpuasa. Sebelumnya, Zaid

**PENGUMUMAN**

Sepanjang bulan Ramadan semua Kelas Pengajian akan ditangguhkan kecuali kuliah subuh setiap hari Sabtu diteruskan.

Masjid Al-Azim akan mengadakan Program Tadarus Al-Quran sepanjang bulan Ramadan, sekiranya berminat bolehlah mendapatkan borang penyertaan di

Pejabat Pentadbiran Masjid Al-Azim, Masjid Negeri Melaka.



# HIMPUNAN KISAH TELADAN PARA NABI & RASUL UNTUK PUTERA-PUTERI MUSLIM



*Sambungan dari minggu yang lepas*

Anakku yang mulia, informasi yang penting ini telah dilupakan sejarah dan ditelan seiring berlalunya masa. Manusia telah berpaling dari menyembah Allah S.W.T. kepada menyembah berhala-berhala. Mereka berpecah di muka bumi sehingga melupakan kisah Ibrahim di Makkah.

Nabi Ibrahim meninggalkan Hajar dan anaknya yang masih disusu itu. Dia meletakkan air dan buah kurma di depan Hajar kemudian meninggalkannya. Hajar bertanya: "Apakah Allah S.W.T. memerintah kamu untuk meninggalkan kami?"

Nabi Ibrahim menjawab: "Ya."

Dengan hati yang pasrah kepada Allah S.W.T. Hajar berkata: "Sesungguhnya Allah S.W.T. yang memerintahkan kamu tidak akan mensia-siakan kita."

## 1. Doa Nabi Ibrahim a.s.

Setelah mencapai jarak agak jauh dari Hajar dan berada di atas salah satu bukit yang tinggi, Nabi Ibrahim a.s. menoleh ke belakang dan memandangi keluarga yang kecil dengan perasaan hiba dan kasihan. Lalu, dia memandangi ke langit dan berdoa kepada Allah S.W.T. yang bermaksud:

*"Ya Tuhan kami, sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian keturunanku di lembah yang tidak mempunyai tanam-tanaman di dekat rumah Engkau (Baitullah) yang dihormati. Ya Tuhan kami, (yang demikian itu) agar mereka*

*mendirikan solat, maka jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka dan beri rezekilah mereka dari buah-buahan, mudah-mudahan mereka bersyukur."*

(Ibrahim: 37)

Setelah itu, Nabi Ibrahim a.s. meneruskan perjalanannya.

## 2. Zam zam

Sudah berhari-hari Hajar dan Ismail ditinggal Nabi Ibrahim, a.s., hingga suatu saat bekalan air dan kurma yang mereka miliki habis. Bayi kecil itu menangis kerana kelaparan dan kehausan. Hajar berlari-lari antara bukit Shafa dan Marwah dengan harapan menemui pepohonan yang berbuah, meskipun jauh atau seorang yang datang atau yang lalu untuk diminta bantuan.

Tidak berjaya mendapatkan apa yang dicarinya, Hajar putus asa dan kembali dengan keadaan badan yang lemah menuju ke tempat anaknya semula. Ketika sampai ke tempat anaknya, dia melihat air yang memancar dengan deras dari bawah kedua kaki Ismail. Hajar meminum air itu dan memberikan kepada bayinya. Hajar menjadi yakin bahawa rahmat Allah S.W.T. melimpah pada dirinya dan bahawasanya Dia dekat dengan orang-orang yang berbuat baik dan melindungi mereka bila dan di mana saja mereka berada.

## 3. Bani Jurhum

Seiring dengan berlalunya waktu, sekumpulan Arab

*Bersambung di m/s 3 >>>*

<<< sambungan dari m/s 1

ibn Haritsah dan Ja'far ath-Thayyar telah terbunuh. Dia pun dipanggil untuk berperang menjelang matahari terbenam. padahal saat itu dia sedang berpuasa, sehingga perutnya terasa lapar dan kerongkongnya kering. Maka ia pun berkata, "Beri aku sesuatu yang dapat aku makan, agar aku kuat ketika berperang nanti."

Sementara itu, perang semakin dahsyat dan banyak pejuang muslim yang terbunuh. Tatkala menyaksikan saudara-saudaranya terbunuh, Ibn Rawahah, yang saat itu sedang berpuasa, pun berkata, "Beri aku sepotong daging untuk kumakan!" Setelah diberi, ia bertanya, "Sudahkah matahari terbenam?" Orang-orang menjawab, "Belum." Ibn Rawahah pun menunggu hingga matahari terbenam. Setelah matahari terbenam, dia mengambil sesuap makanan untuk dimakannya. Akan tetapi pada saat itu makanan sudah tidak terasa nikmat dan minuman sudah tidak bererti lagi baginya. Maka ia pun meletakkan makanannya dan langsung mencabut pedangnya. Lalu ia berperang hingga akhirnya tewas terkena tembusan pedang, sedangkan pada saat itu dia sedang berpuasa.

Lihatlah, roh orang-orang tersebut, bagaimana ia menghadap Allah dan berhijrah menuju Zat Yang Maha Hidup.

Apa yang telah kita persembahkan untuk Islam? Sesungguhnya, kita belum mempersembahkan apa-apa, baik dalam bentuk solat malam, jihad, mahupun berkorban dengan harta. Perkara ini sangat berbeza dengan kaum Salaf yang mengetahui bahawa puasa merupakan madrasah untuk beribadat yang dapat menghantarkan seseorang pada kehidupan yang kekal.

Kerana itulah mereka mengangkat pedang untuk berperang di jalan Allah.

Demi Allah! Ketika bulan Ramadan pergi meninggalkan kalian, tidak sedikit yang menyesal dan berasa rugi. Oleh itu, gunakanlah kesempatan yang ada dengan baik agar Allah S.W.T. membebaskan kalian dari api neraka. Ketahuilah bahawa bulan Ramadan adalah kesempatan bagi seseorang untuk bertaubat dan diterima amalnya oleh Allah. Perbanyakkanlah zikir, tahlil, tasbih dan tahmid, serta membaca Al-Quran! Hidupkan rumah-rumah kalian dengan membaca ayat-ayat Allah dan tinggalkan nyanyian-nyanyian yang didendangkan oleh wanita-wanita yang tidak menutup auratnya, serta wanita-wanita yang hina dan bodoh. Sebab, nyanyian-nyanyian tersebut dapat menjauhkan hati manusia dari Tuhannya.

Gunakan kesempatan itu untuk membebaskan diri dari api neraka dan berseri-seri pada hari di mana kalian akan dihadapkan pada Tuhan Yang Maha Esa dan Maha Perkasa. Beruntunglah perut-perut yang merasakan kelaparan ketika sedang berjuang di jalan Allah dan demi mendapat keredaan-Nya. Selamat kepada kalian yang telah bertemu dengan bulan Ramadan, lalu berpuasa dengan penuh keimanan dan harapan. Semoga Allah S.W.T. membanggakan kalian di hadapan para malaikat-Nya yang ada di langit ketujuh. Hapuslah dosa-dosa kalian dan perbaharuilah taubat kepada Allah. Semoga Allah memanjangkan umurmu, wahai bulan Ramadan, sehingga dengan kurnia-Nya kami dapat menghapus setiap kesalahan dan kerugian yang menimpa kami, serta dapat berada di telaga Rasulullah, lalu meminum airnya sehingga kami tidak lagi kehausan.

Badwi dari Bani Jurhum melalui Makkah. Mereka hairan menemui perumahan dan air yang sebelumnya tidak ada. Mengetahui perkara itu, mereka meminta izin kepada Hajar untuk ikut tinggal di situ. Hajar menyetujui permintaan mereka tetapi dengan syarat yang menguasai air adalah Hajar. Kabilah Bani Jurhum itu menyetujui persyaratan Hajar.

Sejak waktu itu, Makkah menjadi tempat tumpuan ramai, yang demikian itu bererti Allah S.W.T. telah mengabulkan doa Nabi Ibrahim. Nabi Ibrahim a.s. sering mengunjungi kota Makkah untuk menenangkan hati anaknya, Ismail dan isterinya, Hajar.

#### 4. Ujian yang Berat

Suatu hari, Nabi Ibrahim a.s. berada di Makkah sedang dalam keadaan tidur. Dalam tidur itu, dia mendengar suara yang berasal dari Allah S.W.T. yang memerintah agar dia menyembelih anaknya, Ismail. Nabi Ibrahim bangun dari tidurnya dan terkejut dengan mimpi yang aneh itu. Nabi Ibrahim meminta keampunan dan perlindungan kepada Allah S.W.T. Dia kembali tidur. Mimpi yang seperti awalnya terjadi lagi. Dia bangun lagi dan tidur lagi. Akan tetapi, mimpi masih tetap sama.

Nabi Ibrahim mengetahui bahawa perintah tersebut merupakan ujian yang harus dia jalani. Sangat berat bagi Ibrahim untuk memberitahu isi wahyu itu kepada Ismail. Ismail pada saat itu menginjak dewasa dan patut mencari nafkah. Nabi Ibrahim sangat senang kerana Ismail sudah besar. Nabi Ibrahim memberitahu perintah Allah S.W.T. tersebut kepada Ismail.

Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

"Maka tatkala anak itu sampai (pada umur sanggup) berusaha bersama-sama Ibrahim, Ibrahim berkata, 'Hai anakku sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku menyembelih kamu. Maka fikirkanlah apa pendapat kamu!' Dia menjawab, 'Hai bapakku, kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu. Insya Allah kamu akan mendapatiku termasuk orang-orang yang sabar.'" (Ash-5affat: 102)

#### 5. Pengorbanan

Nabi Ibrahim dan Ismail keluar dari rumah tanpa pengetahuan Hajar. Kedua-duanya menuju tempat yang jauh, yang terletak di antara Makkah dan Araffah. Di dalam perjalanan, iblis ingin menggagalkan usaha Nabi Ibrahim agar tidak mentaati Allah S.W.T. di dalam menghadapi ujian yang berat ini. Ibrahim mengambil batu kecil di atas tanah dan melemparkannya ke wajah syaitan yang selalu mengganggu.

Setelah sampai di tempat yang dituju, Ibrahim menidurkan Ismail di atas tanah. Tangan Ibrahim mengambil pisau yang sudah disiapkan untuk menyembelih Ismail. Namun, tiba-tiba datang suara yang menggigil Ibrahim:

"Hai Ibrahim, sesungguhnya kamu telah membenarkan mimpi itu. Sesungguhnya demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat baik. Sesungguhnya ini benar-benar suatu ujian yang nyata. Dan kami tebus anak itu dengan seekor sembelihan yang besar." (As-Saffat : 104-107)

#### 6. Khabar Gembira Dengan Ishaq

Nabi Ibrahim a.s. yang jujur, suci, dan beriman itu kembali ke Hebron, Palestin.

Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhir, janganlah mengganggu tetangganya. Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhir, hendaklah bercakap yang baik atau lebih baik diam.

# Belajar Bahasa Arab

Bersama : Ustaz Haji Fazly bin Haji Yaacob

## Pelajaran Tiga Ratus Tujuh puluh Empat

أَنَا أَدْعُو

SAYA MENJEMPUT

شهرول : بِالتَّكْرُمِ، أَنَا أَدْعُوكَ إِلَى بَيْتِي الْجَدِيدِ يَا أَحْي.

Dengan hormatnya saya menjemput awak ke rumah saya wahai saudaraku

أحمد : شُكْرًا. مَتَى يَا شَهْرُولُ؟

Terima kasih. Bila wahai Sharul?

شهرول : بَابُ بَيْتِي مَفْتُوحٌ لَكَ فِي أَيِّ وَقْتٍ يَا صَدِيقِي.

Pintu rumah saya terbuka untuk awak pada bila-bila waktu wahai sahabatku.

الكَلِمَاتُ : Perkataan

( ١ ) بَيْتِي الْجَدِيدِ : Rumah saya yang baru

( ٢ ) مَفْتُوحٌ لَكَ : terbuka untuk awak

## SIDANG REDAKSI

### PENGERUSI

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali bin Mohd. Rustam  
(Ketua Menteri Melaka)

### PENAUNG

Y.B Tuan Hj. Ghazale Bin Muhamad  
(Timbalan Pengerusi MAIM)

### PENGARANG

Ustaz Mohd Amirudin bin Ahmad  
(Imam Satu)

### PENASIHAT

Datuk Alias Bin Mad Saad  
(Pegarah JAIM)

Tuan Hj. Yaacob bin Abd. Majid  
(Imam Rawatib Masjid Negeri Melaka)

### KETUA PENGARANG

Al-Fadil Tn. Hj. Mohammad  
bin Hashim  
(Imam Besar Masjid Negeri Melaka)

Pn. Mahaniza Binti Mahat  
(Pembantu Tadbir)

Mohd Aidil bin Jaafar (Noja)  
Hj. Borhan Benjamin bin Abdullah  
(Penyambut Tetamu)

### EDITOR

Hj. Ab. Rashid bin Ab. Rahman  
(Bilal Satu)

Pungutan Tabung Derma Masjid Al-Azim

22.8.2008 - RM 5,788.80

PERINGATAN :

SILA LETAKKAN RISALAH INI DI TEMPAT YANG SESUAI

Diterbitkan oleh : Masjid Al-Azim Negeri Melaka.  
Rekabentuk berkomputer dan dicetak oleh : Percetakan Surya Sdn. Bhd.



**WAKTU BERBUKA PUASA DAN IMSAK  
BAGI SELURUH NEGERI MELAKA  
TAHUN 1429 H / 2008 M**



HARI	RAMADAN 1429 H SEPTEMBER 2008 M		WAKTU IMSAK	WAKTU BERBUKA
	HIJRIAH	MILADIAH		
ISNIN	<b>*1 Ramadan</b>	<b>1 September</b>	5.39 pagi	7.17 malam
SELASA	2	2	5.39 pagi	7.17 malam
RABU	3	3	5.39 pagi	7.16 malam
KHAMIS	4	4	5.39 pagi	7.16 malam
JUMAAT	5	5	5.38 pagi	7.16 malam
SABTU	6	6	5.38 pagi	7.15 malam
<b>AHAD</b>	7	7	5.38 pagi	7.15 malam
ISNIN	8	8	5.38 pagi	7.14 malam
SELASA	9	9	5.38 pagi	7.14 malam
RABU	10	10	5.37 pagi	7.14 malam
KHAMIS	11	11	5.37 pagi	7.13 malam
JUMAAT	12	12	5.37 pagi	7.13 malam
SABTU	13	13	5.37 pagi	7.12 malam
<b>AHAD</b>	14	14	5.36 pagi	7.12 malam
ISNIN	15	15	5.36 pagi	7.12 malam
SELASA	16	16	5.36 pagi	7.11 malam
RABU	17	17	5.36 pagi	7.11 malam
KHAMIS	18	18	5.35 pagi	7.05 malam
JUMAAT	19	19	5.35 pagi	7.10 malam
SABTU	20	20	5.35 pagi	7.10 malam
<b>AHAD</b>	21	21	5.34 pagi	7.09 malam
ISNIN	22	22	5.34 pagi	7.09 malam
SELASA	23	23	5.34 pagi	7.08 malam
RABU	24	24	5.34 pagi	7.08 malam
KHAMIS	25	25	5.33 pagi	7.08 malam
JUMAAT	26	26	5.33 pagi	7.07 malam
SABTU	27	27	5.33 pagi	7.07 malam
<b>AHAD</b>	28	28	5.32 pagi	7.06 malam
ISNIN	<b>**29</b>	29	5.32 pagi	7.06 malam
SELASA	30	30	5.32 pagi	7.05 malam

\* Tertakluk Kepada Pengisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia

\*\* Tarikh Melihat Anak Bulan Syawal Tertakluk Kepada Pengisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia

**PROGRAM-PROGRAM DI SEPANJANG BULAN RAMADAN  
YANG DIADAKAN DI MASJID AL-AZIM**

1. MAJLIS BERBUKA PUASA SETIAP HARI
2. TADARUS AL-QURAN BERAMAI-RAMAI SELEPAS SEMBAHYANG SUNAT TARAWIH.
3. QIAMULLAIL SETIAP MALAM BERMULA MALAM PERTAMA RAMADAN DIPIMPIN OLEH IMAM BESAR MASJID AL-AZIM.